Lembaga Pengarah menyokong penuh cadangan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia ("Kod") yang menggariskan prinsip tadbir urus yang baik serta amalan terbaik bagi syarikat tersenarai untuk memastikan bahawa tadbir urus korporat yang baik diamalkan dalam Kumpulan bagi melaksanakan tanggungjawabnya secara berkesan demi melindungi pelaburan pemegang saham dan mempertingkatkan nilai pemegang saham.

Pernyataan dasar berikut menggariskan pemakaian prinsip Tadbir Urus Korporat oleh Kumpulan.

A. PENGARAH

Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah bertanggungjawab penuh terhadap hala tuju strategik Kumpulan. Semua ahli Lembaga Pengarah memberikan penilaian bebas terhadap isu strategi, prestasi, sumber dan standard peri laku serta memastikan adanya proses dan kawalan dalaman yang bersesuaian bagi mengenal pasti dan menguruskan risiko.

Lembaga Pengarah bermesyuarat secara tetap bagi mengkaji semula strategi korporat, operasi dan prestasi unit perniagaan dalam Kumpulan. Semasa tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005, enam (6) mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan. Rekod kehadiran adalah seperti berikut:

Pengarah	Kehadiran	%
Y.B. Wan Hisham bin Dato' Wan Salleh (dilantik pada 15 April 2004)	6/6	100
Y. Bhg. Dato' Haji Awi @ Alwi bin Said (dilantik pada 27 April 2004)	6/6	100
Y. Bhg. Dato' Senara Muda (Dato' Mazlan @ Mohd Nanri bin Hashim) (dilantik pada 8 Februari 2000)	5/6	83
Y. Bhg. Dato' Haji Wan Zakaria bin Abd Rahman (dilantik pada 15 April 2004)	6/6	100
Y.B. Dato' Haji Mohtar bin Nong (dilantik pada 29 September 2004)	6/6	100
Y. Bhg. Dato' Haji Zakaria bin Awang (dilantik pada 15 April 2004)	6/6	100
Tuan Haji Abd. Jalil bin Ali (dilantik pada 28 Januari 2003)	6/6	100
Encik Mohamad Abdul Halim bin Ahmad (dilantik pada 22 November 2004)	3/6	50

Keseimbangan Lembaga Pengarah

Kini Lembaga Pengarah mempunyai lapan (8) ahli yang terdiri daripada empat (4) Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, tiga (3) Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif dan seorang (1) Pengarah Eksekutif. Pengerusi ialah seorang Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif.

Setiap ahli Lembaga Pengarah memiliki pelbagai pengalaman perniagaan dan kewangan yang luas berkaitan dengan hala tuju dan objektif Kumpulan bagi mencapai wawasan Syarikat.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Terdapat pembahagian tanggungjawab yang jelas antara Pengerusi dengan Pengarah Eksekutif bagi memastikan keseimbangan kuasa dan autoriti.

Komposisi Lembaga Pengarah diseimbangkan lagi dengan kehadiran Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Peranan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif ini amat penting khususnya untuk memastikan bahawa strategi yang dicadangkan oleh pengurusan dibincang dan dinilai sepenuhnya, selepas mengambil kira kepentingan jangka panjang pemegang kepentingan. Lembaga Pengarah berpuas hati dengan komposisi Lembaga Pengarah berhubung dengan perwakilan pemegang saham minoriti dengan Pengarah Bebas.

Sementara itu, kepada yang berkenaan, Y. Bhg. Dato' Senara Muda (Dato' Mazlan @ Mohd Nanri bin Hashim) telah dipastikan sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan Lembaga Pengarah.

Keterangan ringkas tentang latar belakang setiap Pengarah tertera di halaman 8 hingga 17.

Perolehan Maklumat

Lembaga mempunyai akses yang tidak terhad kepada maklumat yang betul dan tepat pada masanya bagi melaksanakan tanggungjawab dan tugas mereka.

Pengarah Eksekutif sentiasa memastikan bahawa Lembaga Pengarah dimaklumkan tentang semua perkara penting yang memberikan kesan kepada prestasi Kumpulan dan perkembangan utama yang berlaku dalam Kumpulan.

Pengerusi Lembaga Pengarah memastikan bahawa agenda mesyuarat disusun untuk memenuhi objektif Lembaga Pengarah dan semua Lembaga Pengarah mempunyai akses sepenuhnya dan tepat pada masanya kepada semua maklumat berkaitan.

Setiap Pengarah dibekalkan dengan Kertas Lembaga Pengarah sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah bagi memastikan bahawa mereka mempunyai masa yang cukup untuk meneliti dokumen tersebut dan mendapatkan sebarang penjelasan sebelum dan semasa mesyuarat.

Semua Pengarah boleh mendapatkan nasihat daripada Setiausaha Syarikat. Lembaga Pengarah juga boleh mendapatkan nasihat daripada pihak lain bagi perkara khusus yang memerlukan keputusan Lembaga Pengarah, atas perbelanjaan Syarikat.

Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah telah memberikan tanggungjawab mengesyorkan pelantikan ahli Lembaga Pengarah baru kepada Jawatankuasa Pelantikan dan Imbuan. Setiausaha Syarikat hendaklah memastikan bahawa semua pelantikan dibuat dengan betul, semua maklumat yang perlu diperolehi, dan semua keperluan perundangan dan kawal selia dipenuhi.

Latihan Pengarah

Semua pengarah telah menghadiri Program Akreditasi Mandatori ("MAP") seperti yang ditetapkan oleh Bursa Sekuriti. Semua pengarah akan terus menjalani program dan seminar berkaitan bagi mempertingkatkan pengetahuan mereka agar mereka dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan lebih berkesan. Semua pengarah (jika berkenaan) telah memenuhi Program Pendidikan Berterusan ("CEP") yang ditetapkan dengan mengumpul sekurang-kurangnya 72 mata CEP bagi pendidikan berterusan pada atau sebelum 31 Disember 2005, tarikh akhir baru yang diberikan oleh Bursa Sekuriti.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Bagi mempertingkatkan kecekapan perniagaan dan operasi, Lembaga Pengarah telah menugaskan tanggungjawab tertentu kepada Jawatankuasa Lembaga Pengarah, iaitu Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pemilihan dan Imbuan.

Keputusan mesyuarat ini dilaporkan kepada Lembaga Pengarah oleh Pengerusi pelbagai Jawatankuasa tersebut untuk pertimbangan lanjut dan membuat keputusan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah.

(a) Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit mempunyai empat (4) orang ahli yang semuanya terdiri daripada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.

- * Tuan Haji Abd. Jalil bin Ali (Pengerusi)
- * Y. Bhg. Dato' Haji Wan Zakaria bin Abd Rahman
- * Y. Bhg. Dato' Senara Muda (Dato' Mazlan @ Mohd Nanri bin Hashim)
- * Encik Mohamad Abdul Halim bin Ahmad

Jawatankuasa Audit bertanggungjawab mengkaji semula dan menyiasat sebarang perkara dalam bidang kuasanya. Untuk melaksanakan tugasnya, ia perlu mendapatkan nasihat profesional dan mengumpul maklumat daripada Pengarah atau kakitangan.

(b) Jawatankuasa Pemilihan dan Imbuan

Jawatankuasa Pelantikan dan Imbuan mempunyai tiga (3) orang ahli yang terdiri daripada seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, seorang Senior Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan seorang Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif.

- * Y. Bhg. Dato' Senara Muda (Dato' Mazlan @ Mohd Nanri bin Hashim) (Pengerusi)
- * Y.B. Wan Hisham bin Dato' Wan Salleh
- * Y. Bhg. Dato' Haji Wan Zakaria bin Abd Rahman

Jawatankuasa ini mengesyorkan semua perantikan ahli Lembaga Pengarah baru, menentukan imbuan Pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif, mengkaji semula struktur, saiz, keseimbangan dan keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan dan juga sumbangan setiap pengarah, mengesyorkan pemilihan semula ahli Lembaga Pengarah yang bersara kepada Lembaga Pengarah.

Pemilihan Semula

Mengikut Tataurus Pertubuhan Syarikat, semua Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah tertakluk kepada pemilihan semula oleh pemegang saham dalam Mesyuarat Agung Tahunan selepas perantikan mereka. Semua Pengarah juga hendaklah bersara sekurang-kurangnya sekali setiap 3 tahun, tetapi layak untuk perantikan semula.

B. IMBUHAN PENGARAH**Tahap dan komposisi imbuan**

Imbuan setiap Pengarah ditentukan pada satu tahap yang membolehkan Kumpulan untuk menarik dan mengekalkan Pengarah yang mempunyai pengalaman dan kepakaran berkaitan yang diperlukan untuk menguruskan Kumpulan dengan berkesan. Pakej imbuan bagi Pengarah Eksekutif dikaitkan dengan prestasi korporat serta individu, yang diukur berdasarkan keuntungan dan sasaran yang ditetapkan dalam pelan tahunan Kumpulan.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Prosedur

Jawatankuasa Pemilihan dan Imbuan mengesyorkan rangka kerja dan pakej imbuan bagi Pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif kepada Lembaga Pengarah. Pengarah Eksekutif tidak boleh melibatkan diri dalam menentukan imbuhan.

Pendedahan

Butir-butir imbuan setiap Pengarah semasa tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005 adalah seperti yang berikut:

Pengarah	Gaji (RM)	Yuran (RM)	Elaun (RM)	Bonus (RM)	Manfaat Barangan (RM)	Lain- lain (RM)	Jumlah (RM)
Y.B. Wan Hisham bin Dato' Wan Salleh	-	35,753	-	-	-	5,000	40,753
Y. Bhg. Dato' Senara Muda (Dato' Mazlan @ Mohd Nanri bin Hashim)	-	40,000	-	-	-	5,000	45,000
Y. Bhg. Dato' Haji Awi @ Alwi bin Said	259,200	27,288	-	-	27,550	20,000	334,038
Y.B. Dato' Haji Mohtar bin Nong	-	10,301	-	-	-	5,000	15,301
Y. Bhg. Dato' Haji Zakaria bin Awang	-	28,603	-	-	-	5,000	33,603
Tuan Haji Abd. Jalil bin Ali	-	40,000	-	-	-	5,000	45,000
Y. Bhg. Dato' Haji Wan Zakaria bin Abd Rahman	-	28,603	-	-	-	5,000	33,603
Encik Mohamad Abdul Halim bin Ahmad	-	4,384	-	-	-	5,000	9,384
Total :	259,200	214,932	-	-	27,550	55,000	556,682

C. PEMEGANG SAHAM**Dialog antara syarikat dengan pelabur**

Syarikat menyedari betapa pentingnya maklumat yang tepat pada masanya disebarkan kepada pemegang saham dan pemegang kepentingan yang lain. Kumpulan mematuhi keperluan pendedahan di bawah keperluan penyenaian Bursa Malaysia Securities Berhad ("BMSB"). Semua perkembangan penting Kumpulan dan maklumat disampaikan kepada pelabur melalui saluran berikut:

- Laporan Tahunan;
- Keputusan kewangan suku tahunan dengan tinjauan keseluruhan tentang prestasi dan operasi Kumpulan;
- Pelbagai pengumuman dan pendedahan yang dibuat kepada BMSB;
- Laman web Syarikat (HYPERLINK <http://www.tdmberhad.com.my>); dan
- Pelbagai pengumuman yang boleh diakses pada bila-bila masa melalui laman web Bursa Malaysia di HYPERLINK <http://www.bursamalaysia.com>.

Mesyuarat Agung Tahunan

Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") menjadi forum utama untuk berdialog dengan pemegang saham. Pemegang saham digalakkan menghadiri AGM dan melibatkan diri secara aktif dalam prosiding tersebut, dimana pandangan dan syor mereka akan diteliti dan dilaksanakan sekiranya wajar, demi kepentingan Kumpulan.

Semasa AGM, Pengerusi, Pengarah dan pengurusan kanan bersedia untuk menjawab sebarang soalan daripada pemegang saham tentang perniagaan dan prestasi Syarikat.

Maklumat tentang urusan khas yang dimasukkan dalam notis mesyuarat akan disertakan dengan penjelasan penuh tentang kesan resolusi yang dicadangkan.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

D. KEBERTANGGUNGJAWAPAN DAN AUDIT**Laporan kewangan**

Dalam membentangkan penyata kewangan tahunan dan pengumuman suku tahunan kepada pemegang saham, Lembaga Pengarah berhasrat untuk membentangkan satu penilaian yang seimbang dan boleh difahami berhubung dengan kedudukan dan prospek Kumpulan.

Jawatankuasa Audit membantu dengan meneliti maklumat yang didedahkan bagi memastikan ketepatan, kecukupan dan ketelusan.

Pernyataan Tanggungjawab Pengarah

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan mengikut keperluan piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat 1965. Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan bahawa penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada akhir tahun kewangan dan tentang keputusan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan tersebut.

Penyata Pengarah menurut Seksyen 169 (15) Akta Syarikat 1965 yang ditandatangani oleh Pengarah Eksekutif, Y. Bhg. Dato' Awi @ Alwi bin Said dan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, Tuan Haji Abd. Jalil bin Ali dibentangkan di halaman 105.

Kawalan dalaman

Dalam sistem kawalan dalaman Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab mengenal pasti dan menguruskan risiko yang dihadapi oleh Kumpulan dalam usaha untuk mencapai objektifnya.

Sistem kawalan dalaman mencakupi pengurusan risiko dan kawalan kewangan, organisasi, operasi dan pematuhan bagi melindungi pelaburan pemegang saham dan aset Kumpulan. Sistem itu melibatkan setiap perniagaan dan pengurusan utama daripada setiap perniagaan, termasuk Lembaga Pengarah, dan dibentuk untuk memenuhi keperluan khusus Kumpulan dan untuk menguruskan risiko yang dihadapi. Sistem ini hanya boleh memberikan jaminan munasabah dan bukan jaminan mutlak terhadap salah nyata atau kerugian.

Lembaga Pengarah mengkaji semula kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman Kumpulan secara berterusan.

Penyata Kawalan Dalaman diberikan di halaman 40 hingga 41.

Perhubungan dengan Juruaudit

Syarikat mengekalkan perhubungan yang telus dan wajar dengan Juruaudit Luar bagi mendapatkan nasihat profesional mereka dan memastikan pematuhan dengan piawaian perakaunan berkenaan dan semua keperluan berkanun. Juruaudit Luar dijemput untuk menghadiri mesyuarat bagi mempertimbangkan pelan audit dan keputusan kewangan tahunan.

Peranan Jawatankuasa Audit dinyatakan di halaman 35 hingga 37.

Kelulusan kolektif Lembaga Pengarah bagi Penyata ini dibentangkan pada 13 April 2006.

report of audit committee

The Board of Directors of TDM Berhad is pleased to present the report of the Audit Committee for the financial year ended 31 December 2005.

Members of Audit Committee

As at date of this Annual Report, the composition of Audit Committee is as follows:

Name	Status of Directorship	Independent	Attendance of meeting
Tuan Haji Abdul Jalil bin Ali (Chairman of Audit Committee and a member of Malaysian Institute of Accountants)	Independent Non Executive Director	Yes	5/5
Y. Bhg. Dato' Senara Muda (Dato Mazlan @ Mohd Nanri bin Hashim)	Independent Non Executive Director	Yes	4/5
Y. Bhg. Dato' Hj. Wan Zakaria bin Abd. Rahman	Independent Non Executive Director	Yes	5/5
En. Mohamad Abdul Halim bin Ahmad (appointed as Member of Audit Committee on 21 February 2005)	Independent Non Executive Director	Yes	2/4

The Group Executive Director, Group General Manager, the Internal Auditors of the Company, Senior Management of the subsidiary companies and representative from External Auditors are invited to attend the Audit Committee meetings whenever necessary.

Secretary

The Joint Secretaries Yeap Kok Leong and Wong Wai Foong of TDM Berhad are also Joint Secretaries of the Audit Committee.

Terms of Reference

Composition

The Audit Committee shall be appointed by the Directors from amongst their numbers via a Director's resolution and shall compose of not fewer than three (3) members majority of whom must be Independent Directors.

At least one member of the Audit Committee;

- i) must be a member of the Malaysian Institute of Accountants;
- ii) if he is not a member of Malaysian Institute of Accountants, he must have at least 3 years working experience and
 - he must have passed the examination specified in the Part 1 of the Schedule of Accountants Act 1967; or
 - he must be a member of one of the associations specified in Part 11 of the Schedule of Accountants Act 1967.

An alternate Director shall not be appointed as member of the Audit Committee.

The members of the Audit Committee shall elect a Chairman from amongst themselves who shall be an Independent Director. All members of the Audit Committee, including the Chairman will hold office only as long as they serve as directors of the company.

REPORT OF AUDIT COMMITTEE

Authority

The Audit Committee is authorised by the Board to review and investigate any matter within its Terms of Reference. It is authorised to seek any information it requires from Directors or management staff in discharging its duties, including seeking external professional advice.

The Audit Committee shall have the following authority as empowered by the Board of Directors:

- i) Have explicit authority to investigate any matter within its terms of reference;
- ii) Have full, free and unrestricted access to any information, documents, records properties and personnel of the Company and other companies within the Group;
- iii) Be able to obtain independent professional or other advice;
- iv) Have direct communication channels with the external and internal auditors.
- v) Have resources which are required to perform its duties; and
- vi) The attendance of any particular meetings by the other Directors and employees of the Company shall be at the invitation and discretion and must be specific to the relevant meeting.

Review of composition of Audit Committee

The board of Directors of TDM Berhad shall review the term of office and performance of the committee and each of the members at least once in every three years to determine whether the Committee and its members have carried out their duties in accordance with the terms of reference.

Terms of Duties*Objectives*

The scopes of work of the Audit Committee are:

- * To consider the appointment of external auditors and to recommend the audit fee
- * To discuss with the external auditors , prior to commencement of audit, the nature and scope of audit
- * To ensure co- ordination of audit where more than one audit firms is involved
- * To review the quarterly announcements to the Bursa Malaysia and annual financial statements before submission to the board , focusing particularly on;
 - i) compliance with accounting standards and regulatory requirements
 - ii) going concern assumption
 - iii) any changes in accounting policies and practices
 - iv) major judgmental areas
 - v) significant issues arising from the audit.
- * To review the external auditors management letter and management's response thereto
- * To monitor related party transaction entered into the Company and Group, and ensure that the Director report such transaction annually to shareholders via annual report
- * To review the effectiveness of internal control system
- * To discuss problem and reservation arising from the interim and final external audits, and any matters the external auditors may wish to discuss (in the absence of Management, where necessary)
- * Maintain through regularly scheduled meetings, a direct line of communication between the Board and the External Auditors, Internal Auditors and Management.
- * To report any breaches of the Listing Requirements which have not been satisfactorily resolved, to the Bursa Malaysia.

Audit Committee Report and Statements

The Audit Committee is to assist the Board of Directors of the company to prepare Audit Report at the end of each financial year to be included and published in the annual report of the Company.

REPORT OF AUDIT COMMITTEE

Meetings

Meetings shall be held not fewer than four (4) times a year although such additional meetings may be called at any time at the discretion of the chairman.

The quorum for the meetings of the Audit Committee shall be 3 members and the majority of the members present shall be Independent Directors.

During the financial year under review, the Audit Committee held **five (5) meetings on 21 February 2005, 6 April 2005, 23 May 2005, 22 August 2005, 21 November 2005 respectively.**

Activities

During the financial year under review, the Audit Committee was engaged in the following activities:

- i) Reviewed and deliberated on total of seven (7) audit reports assignments conducted by the internal Audit Departments of the Company;
- ii) Reviewed management letters and audit report of the external auditors.
- iii) Reviewed and approved the Annual Audit Plan of the Company for the calendar year 2006. In its review of the Annual Audit Plan, the Audit Committee reviewed the scope and coverage over the activities of the respective business units of the Group and the Internal Audit's basis of assessment of risk rating of the proposed areas of audit.
- iv) Concurrently reviewed and deliberated Internal Audit Department's audit findings and recommendations.
- v) Reviewed unaudited quarterly financial statements and the audited accounts of the company and the Group and recommended the same for the approval by the Board, upon being satisfied that the financial reporting and disclosure requirements of the relevant authorities has been complied with.
- vi) Reviewed the processes and investigation undertaken by the Internal Audit Department, the audit findings and risk analysis on each tasks and emphasised on the follow up audits to ensure corrective actions are taken and recommendation of the Internal Audit are implemented.

Internal Audit Department

The Company has an in house Internal Audit Department created by the Board of TDM Berhad pursuant to its resolution on 29 December 1994.

The principal roles of the Internal Audit Department are:

- * To ensure that a sound internal control system is in place and the system is functioning adequately and its integrity is maintained.
- * To add value and improve the Group's operations by providing independent and objective evaluation of the operations.
- * To carry out investigations and special review requested by management or the Audit Committee.
- * To carry out audit work in liaison with the external auditors to maximise the use of resources and for effective coverage of audit risks.

The Internal Audit Departments performed its duties in accordance with annual audit plan covering compliance, operational, financial and investigative audits of various departments and subsidiaries.

The collective approval by the Board on this report was tabled on 13th April 2006

Tuan Haji Abd Jalil bin Ali
Chairman Audit Committee

laporan jawatankuasa audit

Lembaga Pengarah TDM Berhad dengan sukacitanya membentangkan laporan Jawatankuasa Audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005.

Ahli-ahli Jawatankuasa Audit

Pada tarikh Laporan Tahunan ini, komposisi Jawatankuasa Audit adalah seperti berikut:

Nama	Status Pengarah	Bebas	Kehadiran Mesyuarat
Tuan Haji Abdul Jalil bin Ali (Pengerusi Jawatankuasa Audit dan ahli Institut Akauntan Malaysia)	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	Ya	5/5
Y.Bhg. Dato' Senara Muda (Dato' Mazlan @ Mohd Nanri bin Hashim)	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	Ya	4/5
Y. Bhg. Dato' Hj Wan Zakaria bin Abd. Rahman	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	Ya	5/5
En. Mohamad Abdul Halim bin Ahmad (Dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Audit pada 21hb Febuari 2005)	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	Ya	2/4

Pengarah Eksekutif Kumpulan, Pengurus Besar Kumpulan, Juruaudit Dalaman Syarikat, Pengurusan Kanan anak-anak syarikat dan wakil daripada Juruaudit Luar dijemput untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Audit bila-bila masa diperlukan.

Setiausaha

Setiausaha Bersama Yeap Kok Leong dan Wong Wai Foong, TDM Berhad adalah Setiausaha Bersama Jawatankuasa Audit.

Bidang Tugas

Komposisi

Jawatankuasa Audit mestilah dilantik oleh para Pengarah daripada kalangan mereka melalui resolusi Pengarah terdiri daripada tidak kurang tiga (3) ahli yang mana majoriti adalah Pengarah Bebas.

Seorang ahli Jawatankuasa Audit sekurang-kurangnya:

- i) hendaklah merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia;
- ii) sekiranya beliau bukan ahli Institut Akauntan Malaysia, beliau hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman bekerja dan;
 - beliau mesti lulus peperiksaan yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual Pertama Akauntan Akta 1967; atau
 - beliau mestilah ahli salah satu daripada persatuan yang dinyatakan dalam Bahagian 11 Jadual Pertama Akta Akauntan 1967.

Pengarah silih ganti tidak boleh dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit.

Ahli-ahli Jawatankuasa Audit hendaklah memilih seorang Pengerusi daripada kalangan mereka sendiri yang mana merupakan seorang Pengarah Bebas. Semua ahli Jawatankuasa Audit, termasuk Pengerusi akan memegang jawatan tersebut selagi mereka berkhidmat sebagai pengarah syarikat.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

Kuasa

Jawatankuasa Audit diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk meneliti dan menyiasat sebarang perkara dalam bidang tugasnya. Ia diberi kuasa untuk mendapatkan sebarang maklumat yang diperlukan daripada mana-mana Pengarah atau kakitangan pengurusan dalam menjalankan tugasnya, termasuk mendapatkan khidmat nasihat profesional dari luar.

Jawatankuasa Audit mempunyai kuasa yang berikut sebagaimana diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah;

- i) Mempunyai kuasa nyata untuk menyiasat sebarang perkara dalam bidang-bidang tugasnya;
- ii) Mempunyai akses penuh, bebas dan tidak terbatas kepada sekarang maklumat, dokumen, rekod-rekod harta dan personel Syarikat dan lain-lain syarikat dalam Kumpulan;
- iii) Boleh mendapat nasihat profesional bebas atau lain-lain nasihat;
- iv) Mempunyai saluran komunikasi langsung dengan juruaudit dalam dan juruaudit luar;
- v) Mempunyai sumber-sumber yang diperlukan untuk menjalankan tugas-tugasnya; dan
- vi) Kehadiran dalam mana-mana mesyuarat khusus oleh lain-lain Pengarah dan kakitangan Syarikat adalah atas jemputan dan budibicara dan hendaklah khusus kepada mesyuarat berkenaan.

Kajian komposisi Jawatankuasa Audit

Lembaga Pengarah TDM Berhad akan meneliti syarat-syarat jawatan dan prestasi jawatankuasa dan setiap ahli sekurang-kurangnya sekali pada setiap tiga tahun untuk menentukan sama ada Jawatankuasa dan ahli-ahlinya telah menjalankan tugas mereka selaras dengan bidang-bidang tugas.

Tugas-tugas dan Fungsi-Fungsi

Objektif

Bidang kerja Jawatankuasa Audit adalah:

- * Untuk menimbang perantikan juruaudit luar dan mengesyorkan yuran audit
- * Untuk berbincang dengan Juruaudit Luar, sebelum memulakan jenis dan audit dan memastikan keselarasan sekiranya terdapat lebih daripada sebuah firma audit yang terlibat
- * Untuk menyemak pengumuman suku tahunan kepada Bursa Malaysia dan penyata kewangan tahunan sebelum mengemukakannya kepada Lembaga Pengarah, terutamanya terhadap perkara-perkara berikut:
 - i) pematuhan dengan piawai perakaunan dan syarat-syarat berperaturan
 - ii) andaian usaha berterusan
 - iii) sebarang perubahan di dalam dasar-dasar amalan dan perakunan
 - iv) bidang-bidang yang memerlukan pertimbangan yang wajar
 - v) isu-isu penting yang timbul daripada audit
- * Untuk mengkaji surat pengurusan juruaudit luar dan tindakbalas daripada pihak pengurusan
- * Untuk mengawasi urusan pihak berkaitan yang ditandatangani oleh Syarikat dan Kumpulan, dan untuk memastikan bahawa para Pengarah melaporkan urusan sedemikian secara tahunan kepada pemegang-pemegang saham melalui laporan tahunan
- * Untuk mengkaji keberkesanan sistem kawalan dalaman
- * Untuk membincangkan masalah dan cadangan yang timbul daripada audit interim dan audit akhir, dan sebarang perkara yang mana perlu dibincangkan (dalam ketiadaan Pengurusan, di mana perlu) oleh Juruaudit Luar
- * Mengekalkan saluran terus komunikasi melalui mesyuarat yang dijadualkan secara tetap di antara Lembaga Pengarah dengan Juruaudit Luar, Juruaudit Dalam dan Pihak Pengurusan
- * Laporkan kepada Bursa Malaysia perkara-perkara yang, mengakibatkan pelanggaran syarat-syarat penyenaian dalam jangka masa yang ditetapkan

Laporan dan Penyata Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit hendaklah membantu Lembaga Pengarah Syarikat untuk menyediakan Laporan Audit pada akhir setiap tahun kewangan untuk dimasukkan dan disiarkan dalam laporan tahunan Syarikat.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

Mesyuarat

Mesyuarat hendaklah diadakan tidak kurang dari empat (4) kali setahun dan mesyuarat tambahan sedemikian boleh dipanggil pada bila-bila masa atas budibicara Pengerusi.

Korum bagi mesyuarat Jawatankuasa Audit diwakili oleh 3 orang ahli dan majoriti ahli yang hadir hendaklah Pengarah Bebas.

Dalam tahun kewangan semasa, Jawatankuasa Audit telah mengadakan **5 (lima) mesyuarat masing-masing pada 21 Februari 2005, 6 April 2005, 23 Mei 2005, 22 Ogos 2005 dan 21 November 2005.**

Kegiatan

Dalam tahun kewangan semasa, Jawatankuasa Audit terlibat dalam akitiviti-aktiviti berikut:

- i) Mengkaji dan membincangkan tujuh (7) laporan tugas audit yang dijalankan oleh Jabatan Audit Dalam Syarikat;
- ii) Mengkaji surat pengurusan dan laporan audit daripada juruaudit luar.
- iii) Mengkaji dan meluluskan Rancangan Audit Tahunan Syarikat bagi tahun kalendar 2005. Dalam meneliti Rancangan Audit Tahunannya, Jawatankuasa Audit mengkaji bidang dan liputan ke atas aktiviti-aktiviti unit perniagaan Kumpulan dan asas-asas penilaian Audit Dalam serta menetapkan risiko bidang audit yang dicadangkan.
- iv) Secara bersama mengkaji dan meluluskan program tambahan audit dalaman, wawasan dan misi Jabatan Audit Dalam Kumpulan serta menimbangkan keputusan dan pengesyoran Audit Dalam.
- v) Mengkaji penyata kewangan tidak beraudit suku tahunan dan penyata kewangan beraudit Syarikat dan Kumpulan dan mengesyorkan yang sama untuk kelulusan oleh Lembaga Pengarah, selepas berpuashati bahawa laporan kewangan dan keperluan pendedahan pihak berkuasa telah dipatuhi.
- vi) Mengkaji proses-proses dan penyiasatan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Dalam, analisis keputusan dan risiko audit ke atas setiap tugas audit dan menumpukan ke atas audit susulan untuk memastikan tindakan pembetulan telah diambil dan pengesyoran Audit Dalam telah dilaksanakan.

Jabatan Audit Dalaman

Syarikat mempunyai Jabatan Audit Dalam sendiri yang dibentuk oleh Lembaga Pengarah TDM Berhad selaras dengan resolusinya pada 29 Disember 1994.

Tugas-tugas Jabatan Audit Dalaman ialah:

- * Memastikan sistem kawalan dalaman yang sedia ada berfungsi secara telus dan mengekalkan integriti.
- * Menambah nilai dan meningkatkan operasi Kumpulan dengan menyediakan penilaian bebas dan objektif.
- * Melaksanakan penyiasatan dan tugas-tugas khas yang diminta oleh Pengurusan atau Jawatankuasa Audit.
- * Melaksanakan tugas audit bersama dengan juruaudit luar bagi mengurangkan penggunaan sumber dan secara efektif meliputi semua risiko audit.

Jabatan Audit Dalaman menjalankan tugasnya selaras dengan rancangan audit tahunannya yang meliputi audit pematuhan, operasi, kewangan dan siasatan audit untuk semua jabatan dan anak-anak syarikat.

Kelulusan bersama oleh Lembaga ke atas Laporan ini dikemukakan pada 13 April 2006

Tuan Haji Jalil bin Ali
Pengerusi, Jawatankuasa Audit

statement of internal control

A Statement of Internal Control pursuant to paragraph 15.27(b) of the Listing Requirement of Bursa Malaysia. The following statements outlines the nature and scope of internal control of the Group during the financial year.

Board of Directors' Responsibility

The Board of Directors recognises the importance of sound internal controls and risk management practices for good corporate governance. The Board affirms its overall responsibility for the Group's system of internal control, and for reviewing the adequacy and integrity of those systems. It should be noted, however, that such systems are designed to manage or mitigate to the acceptable level rather than eliminate the risk of failure to achieve business objectives. In addition, it should be noted that any system could only provide reasonable and not absolute assurance against material misstatement or losses.

Element of Group's Internal Control System

The Board throughout the current financial year has mitigated the risks faced by the Group through the monitoring of the Group's operational efficiency and profitability at its Board meetings. The Board is assisted by Board Committees, namely the Audit Committee, the Nomination and Remuneration Committee and the Executive Committee with their respective terms of reference. Furthermore, the Board has tasked its Executive Management with the responsibility of the monitoring and reviewing strategic and significant operational matters of the Group through the following key elements of internal controls.

Meetings

Scheduled meetings are held at the operational and management level to identify, discuss and resolve business and operational issues. These include management meetings at individual company level, which are minuted and escalated on a need basis.

Organisation and Management Structure

The management team is lead by the Group Executive Director and comprises of Group General Manager and other heads of departments. The Group is structured such that the heads of each operating units has a clear reporting line. There is also proper segregation of duties to ensure safe custody of the Group's assets and responsibility is discharged at the best of company's interest.

One of the Board members is the Executive Director and is actively involved in daily operations of the Group and holds regular discussion with the senior management of the subsidiary companies. The management of each department is completely responsible for the conduct and performance of the business and to ensure that effective system of internal control in action.

The management team makes recommendation to the Board of Directors on major capital expenditure, major investment or divestment affecting the Group, the preparation of annual budget for the approval of the Board.

All employees are expected to be vigilant and efficient in delivering their respective job functions. Employees are sent for training in areas relevant to their job functions when the need arises. There is a structured employee appraisal system that ensures employees are remunerated based on their performance and length of services.

STATEMENT OF INTERNAL CONTROL

Business Performance Review

Operating results and key performance indicators such as staff utilisation and cash flow performance are closely monitored by the senior management against the budget, with major variances and critical operational issues being followed up and management action taken, where necessary.

The management team provides monthly and quarterly report to the Board covering financial performance and production statistics as compared to annual budget.

The Board has reviewed the Group's budget and cash flow forecast for the coming year. The budgeting process includes the preparation of budgets by the individual subsidiary company and department, which are approved at management level and ultimately by the Board.

Internal Audit Function

The Group Internal Audit Department (IAD) is independent of the activities or operations of the Group. The duties by the Group's Internal Auditors are performed with impartiality, proficiency and professional care and it provides the Audit Committee and the Board with assurance in respect of the adequacy and integrity of the system of internal control.

The Audit Committee approved the Internal Audit Plan. Periodic IAD visits have been carried out to monitor compliance with existing Group's procedures and to provide assurance on the effectiveness of the Group internal control system.

Risk Management

Whilst the Group is in the process of formalising a structured Risk Management framework, the Board is confident that the inherent risks are addressed in the day to day operations and management of the Company.

The collective approval by the Board on these statements was tabled on 13 April 2006

penyata kawalan dalaman

Penyata kawalan dalaman tertakluk kepada Perenggan 15.27(b), Syarat-syarat Penyenaiaan, Bursa Malaysia. Pernyataan yang berikut menggariskan ciri-ciri dan skop kawalan dalaman kumpulan pada tahun kewangan.

Tanggungjawab Ahli-ahli Lembaga Pengarah

Lembaga mengiktiraf sepenuhnya kepentingan kawalan dalaman dan pengurusan risiko yang cekap untuk urus tadbir korporat yang baik. Lembaga juga mengiktiraf bahawa Lembaga bertanggungjawab terhadap keseluruhan sistem kawalan dalaman Kumpulan dan untuk mengkaji kecukupan dan ketelusan sistem tersebut. Walaubagaimanapun, perlu diambil kira bahawa kawalan yang dibuat adalah munasabah tetapi tidak menjamin terhadap kesilapan pernyataan yang material atau kerugian, dan ianya direka bertujuan untuk mengurus daripada mengurangkan risiko kegagalan dalam mencapai matlamat perniagaan.

Elemen-elemen Sistem Kawalan Dalaman

Lembaga menerusi kewangan tahun semasa, telah mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko-risiko tertentu yang dihadapi oleh Kumpulan melalui pengawasan terhadap kecekapan operasi Kumpulan dan keuntungannya melalui mesyuarat Lembaga. Lembaga dibantu oleh Jawatankuasa Lembaga yang dikenali sebagai Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pemilihan dan Imbuan dan Jawatankuasa Eksekutif dengan bidang tugas masing-masing. Selanjutnya, Lembaga mengarahkan Pengurusan Eksekutifnya yang bertanggungjawab untuk mengawasi dan mengkaji hal-hal operasi dan strategik yang penting dalam Kumpulan melalui elemen-elemen kawalan dalaman yang berikut:-

Mesyuarat-mesyuarat

Mesyuarat-mesyuarat berjadual diadakan pada peringkat operasi dan pengurusan untuk mengenalpasti, membincangkan dan menyelesaikan isu-isu perniagaan dan operasi. Ini termasuklah mesyuarat-mesyuarat pengurusan yang kerap diadakan di peringkat syarikat yang diminitkan dan diteruskan mengikut keperluan.

Struktur Organisasi dan Perniagaan

Pasukan pengurusan diketuai oleh Pengarah Eksekutif dan dibantu oleh Pengurus Besar Kumpulan dan Ketua-ketua jabatan yang lain. Kumpulan distrukturkan di mana setiap ketua-ketua unit operasi mempunyai saluran laporan yang jelas. Terdapat juga pengagihan tugas-tugas yang sesuai untuk memastikan keselamatan aset Kumpulan.

Salah seorang Ahli Lembaga Pengarah adalah Pengarah Eksekutif Kumpulan yang terlibat secara aktif dalam operasi harian dan sentiasa berbincang dengan pihak pengurusan atasan anak-anak syarikat. Setiap pengurusan jabatan bertanggungjawab terhadap pelaksanaan dan prestasi perniagaan dan memastikan keberkesanan sistem kawalan dalaman telah diambil kira.

Pasukan pengurusan membuat cadangan kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah tentang perbelanjaan modal utama dan pelaburan utama yang mempengaruhi Kumpulan dan penyediaan belanjawan tahunan untuk diluluskan oleh Lembaga.

Kesemua kakitangan dikehendaki menjalankan tugas masing-masing dengan telus dan cekap. Kakitangan-kakitangan akan dihantar untuk menjalani latihan yang berkaitan dengan tugas masing-masing jika perlu. Dengan adanya sistem penilaian kakitangan berstruktur ianya dapat memastikan setiap kakitangan diberi ganjaran setimpal berdasarkan prestasi dan tempoh perkhidmatan.

PENYATA KAWALAN DALAMAN

Kajian Prestasi Perniagaan

Hasil operasi dan petunjuk prestasi seperti pengurusan kakitangan dan prestasi aliran tunai adalah dikawal oleh pengurusan kanan dengan membuat perbandingan terhadap belanjawan, perbezaan ketara dan isu-isu operasi yang kritikal akan disusuli dengan tindakan-tindakan yang sepatutnya, sekiranya perlu.

Pasukan pengurusan menyediakan laporan bulanan dan suku tahunan kepada Lembaga meliputi prestasi kewangan dan statistik pengeluaran yang dibandingkan dengan belanjawan tahunan.

Lembaga telah mengkaji belanjawan Kumpulan dan anggaran aliran tunai untuk tahun hadapan. Proses belanjawan termasuklah penyediaan belanjawan oleh setiap anak-anak syarikat dan jabatan yang mana ianya diluluskan pada peringkat pengurusan dan seterusnya Lembaga.

Fungsi Audit Dalaman

Jabatan Audit Dalaman Kumpulan (JAD) adalah bebas daripada aktiviti-aktiviti atau operasi Kumpulan. Tugas-tugas Juruaudit Dalaman Kumpulan dilaksanakan dengan keseimbangan, kecekapan dan penjagaan profesional dan memberi Jawatankuasa Audit dan Lembaga dengan jaminan terhadap kecukupan dan ketelusan di dalam sistem kawalan dalaman.

Rancangan Audit Dalaman Kumpulan diluluskan oleh Jawatankuasa Audit. Lawatan JAD untuk tempoh berkala telah dibuat untuk mengawasi pematuhan prosedur Kumpulan yang sedia ada dan untuk memberi jaminan keberkesanan sistem kawalan dalaman Kumpulan.

Pengurusan Risiko

Sementara Kumpulan masih didalam proses penstrukturan rangkakerja Pengurusan Risiko yang formal, Lembaga yakin yang risiko-risiko semulajadi adalah disasarkan dalam operasi dan pengurusan harian Syarikat.

Kelulusan bersama oleh Lembaga ke atas Penyataan ini dikemukakan pada 13 April 2006.

additional compliance statement

The following information is provided in compliance with Paragraph 9.25 of the Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad :-

1. IMPOSITION OF SANCTIONS / PENALTIES

There were no public sanctions and / or penalties imposed on the Company and its subsidiaries, directors or management by the relevant regulatory bodies during the financial year.

2. MATERIAL CONTRACT

Neither the Company nor any of its subsidiaries have entered into any contracts which are or may be material (not being contracts entered into in the ordinary course of business) involving Directors' and major shareholders' interests since the end of the previous financial year.

3. SHARE BUYBACKS

There was no share buybacks during the financial year

4. AMERICAN DEPOSITORY RECEIPT (ADR) OR GLOBAL DEPOSITORY RECEIPT (GDR) PROGRAMME

The Company did not sponsor any ADR or GDR programme during the financial year.

5. PROFIT GUARANTEE

The Company did not give any profit guarantees during the financial year.

6. LIST OF PROPERTIES

The list of properties is stated on page 157 to 160 of the Annual Report.

7. NON-AUDIT FEES

There was no payment of non-audit fees to the external auditors by the Group for the financial year ended 31st December 2005

8. REVALUATION POLICY

Land and buildings are revalued at a regular interval of at least once every three years with additional valuations in the intervening years when market conditions indicate that the carrying values of the revalued land and buildings materially differ from the market values. The land and buildings has been revalued in the year 2005 and the next revaluation process will be conducted in 2008.

maklumat tambahan pematuhan

Maklumat-maklumat berikut terkandung di pematuhan Perenggan 9.25 Peraturan-peraturan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad ;-

1. PENGENAAN SANKSI DAN PENALTI

Tiada sebarang sanksi atau penalti yang telah dikenakan keatas Syarikat dan anak-anak Syarikatnya, para pengarah atau pengurusan oleh badan-badan pengawalseliaan yang berkenaan.

2. KONTRAK MATERIAL

Syarikat ataupun mana-mana anak syarikat tiada membuat apa-apa perjanjian yang material (tidak melibatkan perjanjian yang dimeterai berkaitan dengan urusan perniagaan biasa) yang melibatkan mana-mana Pengarah Syarikat ataupun pemegang-pemegang saham terbesar syarikat bagi tahun kewangan yang lalu.

3. BELI - BALIK SAHAM

Didalam tahun kewangan, Syarikat tidak membuat sebarang transaksi beli-balik saham

4. PROGRAM PENERIMAAN DEPOSITORI AMERIKA ("ADR") ATAU PENERIMAAN GLOBAL DEPOSITORY ("GDR")

Syarikat tidak menganjurkan sebarang program ADR atau GDR

5. JAMINAN KEUNTUNGAN

Di dalam tahun kewangan berkenaan, tiada sebarang jaminan keuntungan yang telah diberikan oleh Syarikat

6. SENARAI HARTANAH

Senarai Hartanah adalah seperti yang tercatat pada halaman 157 hingga 160 Laporan Tahunan

7. YURAN BUKAN AUDIT

Tiada bayaran yuran bukan audit dibuat oleh Kumpulan kepada juruaudit luaran bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005

8. POLISI PENILAIAN SEMULA

Tanah dan bangunan dinilai semula pada jarak waktu tetap sekurang-kurangnya satu kali setiap tiga tahun dengan penilaian tambahan pada tahun-tahun diantaranya apabila keadaan pasaran menunjukkan bahawa nilai tanah dan bangunan dibawa secara materialnya berbeza dengan nilai-nilai pasaran. Tanah dan bangunan telah pun dinilai semula pada tahun 2005 dan proses penilaian semula yang seterusnya akan dilakukan pada tahun 2008.

FINANCIAL STATEMENTS

46	Directors Report
51	Statement by Directors
51	Statutory Declaration
52	Report of the Auditors
53	Income Statements
54	Balance Sheets
55	Consolidated Statement of Changes in Equity
56	Statements of Changes in Equity
57	Cash Flow Statements
59	Notes to the Financial Statements

PENYATA KEWANGAN

100	<i>Laporan Para Pengarah</i>
105	<i>Penyata Para Pengarah</i>
105	<i>Akuan Berkanun</i>
106	<i>Laporan Juruaudit</i>
107	<i>Penyata Pendapatan Disatukan</i>
108	<i>Lembaran Imbangan Disatukan</i>
109	<i>Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Disatukan</i>
110	<i>Penyata Perubahan Dalam Ekuiti</i>
111	<i>Penyata Aliran Tunai</i>
113	<i>Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan</i>

directors' report

The directors have pleasure in presenting their report together with the audited financial statements of the Group and of the Company for the financial year ended 31 December 2005.

PRINCIPAL ACTIVITIES

The principal activities of the Company are investment holding and provision of management services and operating its own oil palm estates.

The principal activities of its subsidiary companies are described in Note 11 to the financial statements.

There have been no significant changes in the nature of subsidiaries' activities during the financial year.

FINANCIAL RESULTS

	Group RM'000	Company RM'000
Profit/(Loss) before taxation	22,740	(9,077)
Taxation	(6,300)	1,133
Profit/(Loss) after taxation	16,440	(7,944)
Minority interests	125	-
Profit attributable to shareholders	16,565	(7,944)
Accumulated losses brought forward	(14,141)	(61,931)
Accumulated profit/(loss) carried forward	2,424	(69,875)

There were no material transfers to or from reserves or provisions during the financial year other than as disclosed in the statement of changes in equity.

In the opinion of the directors, the results of the operations of the Group and of the Company during the financial year were not substantially affected by any item, transaction or event of a material and unusual nature.

DIVIDENDS

No dividend has been paid, declared and proposed by the Company since the end of the previous financial year.

DIRECTORS' REPORT

DIRECTORS

The names of the directors of the Company in office since the date of the last report and at the date of this report are:

Y.B. Wan Hisham bin Dato' Wan Salleh	Chairman
Y. Bhg. Dato' Haji Wan Zakaria bin Abd Rahman	
Y. Bhg. Dato' Awi @ Alwi bin Said	
Y.B. Dato' Senara Muda (Dato' Mazlan @ Mohd Nanri bin Hashim)	
Y.Bhg. Dato' Haji Zakaria bin Awang	
Tuan Haji Abd. Jalil bin Ali	
Y.B. Dato' Haji Mohtar bin Nong	
Encik Mohamad Abdul Halim bin Ahmad	

DIRECTORS' BENEFITS

Neither at the end of the financial year, nor at any time during the year, did there subsist any arrangement, to which the Company was a party, whereby the directors might acquire benefits by means of the acquisition of shares in or debentures of the Company or any other body corporate.

Consol adjustments	(210,164)	(212,465)	-	1,647	(930)	(57)	(191,399)	(202,763)	-	-	(402,493)	(413,638)
Total assets	626,042	638,126	16,097	16,374	20,980	21,503	74,137	82,166			737,256	758,169
Segment liabilities	(427,893)	(454,144)	(5,620)	(35,404)	(24,004)	(50,873)	(61,630)	(68,564)	-	-	(519,147)	(608,985)
Consol adjustments	206,331	205,652	2,829	32,178	14,715	41,271	33,738	36,519	-	-	257,613	315,620
Negative goodwill	(221,562)	(248,492)	(2,791)	(3,226)	(9,289)	(9,602)	(27,892)	(32,045)	-	-	(261,534)	(293,365)
Total liabilities											(266,599)	(303,700)

laporan para pengarah

Para pengarah membentangkan laporan mereka dan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005.

KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat adalah sebagai sebuah syarikat pemegang pelaburan, peruntukan perkhidmatan pengurusan dan pengendalian ladang-ladang kelapa sawit.

Kegiatan utama syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan di dalam Nota 11 kepada penyata kewangan.

Tidak ada sebarang perubahan penting lain dalam kegiatan utama tersebut di sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai pendapatan	22,740	(9,077)
Cukai pendapatan	(6,300)	1,133
Keuntungan/(kerugian) selepas cukai pendapatan	16,440	(7,944)
Kepentingan minoriti	125	-
Keuntungan yang dipunyai oleh para pemegang saham	16,565	(7,944)
Kerugian terkumpul dibawa ke hadapan	(14,141)	(61,931)
Keuntungan/(kerugian) terkumpul dihantar ke hadapan	2,424	(69,875)

Tidak ada pindahan yang penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan pada sepanjang tahun kewangan ini selain daripada yang dinyatakan dalam penyata perubahan dalam ekuiti.

Pada pendapat para pengarah, hasil keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat di sepanjang tahun kewangan, tidak dipengaruhi secara material oleh sebarang butiran, urusanniaga atau kejadian penting dan bersifat luar biasa.

DIVIDEN

Tiada dividen telah dibayar, diisytiharkan dan dicadangkan oleh Syarikat sejak akhir tahun kewangan sebelum ini.

LAPORAN PARA PENGARAH

PARA PENGARAH

Nama para pengarah Syarikat yang memegang jawatan sejak tarikh laporan terakhir dan pada tarikh laporan ini ialah:

Y.B. Wan Hisham bin Dato' Wan Salleh
Y.Bhg. Dato' Haji Wan Zakaria bin Abd Rahman
Y.Bhg. Dato' Haji Awi @ Alwi bin Said
Y.B. Dato' Senara Muda
(Dato' Mazlan @ Mohd Nanri bin Hashim)
Y.Bhg. Dato' Haji Zakaria bin Awang
Tuan Haji Abd Jalil bin Ali
Y.B. Dato' Haji Mohhtar bin Nong
Encik Mohamad Abdul Halim bin Ahmad

Pengerusi

MANFAAT PARA PENGARAH

Pada akhir tahun kewangan atau semasa tahun kewangan tidak wujud sebarang perjanjian yang mana Syarikat menjadi pihak di mana para pengarah Syarikat mendapat manfaat melalui perolehan saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan Korporat.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada pengarah yang telah menerima atau berhak menerima sebarang manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam ganjaran yang telah dibayar atau terhutang kepada pengarah seperti dinyatakan di Nota 6 kepada penyata kewangan atau gaji tetap bagi kakitangan sepenuh masa Syarikat) hasil dari kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau badan-badan korporat yang berkaitan dengan pengarah atau dengan firma yang dianggotainya, atau dengan syarikat di mana ia mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Menurut daftar pegangan saham para pengarah, tidak ada pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan mempunyai sebarang kepentingan di dalam saham-saham Syarikat dan syarikat-syarikat berkaitan sepanjang tahun kewangan.

SKIM OPSYEN SAHAM KAKITANGAN

Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS") telah diluluskan oleh para pemegang saham pada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang telah diadakan pada 24 Jun 1999. ESOS memberi opsyens kepada kakitangan Kumpulan yang layak untuk melanggan saham biasa baru berharga RM1.00 sesaham ("Saham") Syarikat dengan harga yang ditentukan.

Ciri-ciri utama ESOS adalah seperti berikut:

- (a) Eksekutif yang layak adalah mereka yang telah berkhidmat dengan Syarikat bagi tempoh sekurang-kurangnya satu tahun pada atau sebelum hari penawaran dan perkhidmatan pekerjaan telah disahkan secara bertulis dan berada dalam senarai gaji Syarikat. Bagi pekerja di bawah kontrak pekerjaan tetap, tempoh kontrak sepatutnya sekurang-kurangnya tiga tahun. Bagi pekerja bukan rakyat Malaysia, kelayakan mereka akan dipertimbangkan sekiranya mereka berkhidmat sepenuh masa untuk mana-mana satu syarikat di dalam Kumpulan.
- (b) Opsyen adalah khas untuk penerima opsyen dan hak tidak boleh diserahkan.

LAPORAN PARA PENGARAH

SKIM OPSYEN SAHAM KAKITANGAN (samb.)

- (c) Bilangan maksima saham-saham baru Syarikat yang boleh diterbitkan di bawah ESOS tidak boleh melebihi agregat (10) peratus daripada jumlah modal saham Syarikat yang diterbitkan dan berbayar pada mana-mana satu masa semasa kewujudan ESOS yang akan berkuatkuasa untuk tempoh lima (5) tahun dari 9 Disember 1999 di mana ini adalah hari kelulusan oleh Suruhanjaya Sekuriti.
- (d) Harga langganan untuk saham baru akan ditentukan oleh harga penutup pasaran. Harga pada mana penerima opsyen berhak melanggan bagi setiap saham baru Syarikat hendaklah pada purata wajaran harga pasaran lima (5) hari saham-saham Syarikat yang disenaraikan di dalam senarai rasmi harian Bursa Malaysia Securities Berhad sebaik sahaja sebelum tarikh tawaran opsyen atau pada nilai tara harga pasaran lima (5) hari saham-saham Syarikat yang disenaraikan di dalam senarai rasmi harian Bursa Malaysia Securities Berhad sebaik sahaja sebelum tarikh tawaran opsyen atau pada nilai tara saham-saham Syarikat, yang mana lebih tinggi.
- (e) Saham-saham yang ditawarkan di bawah ESOS boleh dilanggan oleh penerima opsyen melalui notis bertulis kepada Syarikat dalam tempoh lima (5) tahun atau kurang bermula dari tarikh tawaran.

Individu yang telah ditawarkan opsyen in tidak mempunyai hak untuk menyertai mana-mana opsyen syer di syarikat-syarikat lain. ESOS ini walaubagaimanapun, telah ditamatkan pada 8 Disember 2004 menurut peraturan-peraturannya.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

- (a) Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya:
- (i) untuk memastikan bahawa tindakan wajar telah diambil berhubung dengan penghapusan hutang lapuk dan peruntukan hutang ragu dan para pengarah berpuas hati bahawa tiada hutang lapuk yang diketahui dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat untuk hutang ragu; dan
 - (ii) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa yang mungkin tidak dapat direalisasikan mengikut nilai yang ditunjukkan dalam rekod-rekod perakaunan mengikut kebiasaan urusan niaga telah dikurangkan nilainya kepada nilai yang dianggap boleh direalisasikan.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang akan menyebabkan:
- (i) Syarikat perlu menghapuskan sebarang hutang lapuk atau nilai peruntukan hutang ragu Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi pada tahap yang ketara; dan
 - (ii) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang telah berlaku yang akan menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian yang sedia ada bagi penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai.
- (c) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang telah berlaku yang akan menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian yang sedia ada bagi penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai.
- (d) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang tidak dinyatakan di dalam laporan ini atau penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang akan menyebabkan mana-mana jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.

LAPORAN PARA PENGARAH

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN (samb.)

(e) Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- (i) sebarang tindihmilik ke atas aset Kumpulan dan Syarikat yang wujud sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti pihak lain selain daripada yang dinyatakan pada nota 30 dalam penyata kewangan; atau
- (ii) sebarang liabiliti luar jangka Kumpulan dan Syarikat yang wujud sejak akhir tahun kewangan.

(f) Pada pendapat para pengarah:

- (i) tidak ada liabiliti luarjangka atau lain-lain liabiliti yang telah berkuatkuasa atau mungkin dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk menunaikan kewajipan masing-masing apabila tiba masanya kelak selain daripada yang dinyatakan pada nota 30 dalam penyata kewangan ; dan
- (ii) tidak ada perkara, urusanniaga atau kejadian penting dan luar biasa yang wujud di dalam jangkamasa di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang mungkin memberi kesan ketara ke atas keputusan hasil Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

PERISTIWA PENTING

- (a) Pada 26 Januari 2005, Health Medicmaster Sdn. Bhd. ("HMSB"), sebuah subsidiari Syarikat telah memasuki satu perjanjian Perjanjian Penjualan Saham bersyarat dengan Rosli bin Awang Abdul Rahman bagi menjual 74,999 saham biasa yang mewakili 99.99% saham diterbitkan dan dibayar penuh di dalam HMMC (Subang) Sdn Bhd dengan jumlah pertimbangan RM1.00 dan pembayaran balik baki antara syarikat-syarikat berjumlah RM67,000 kepada HMSB.
- (b) Pada 29 Disember 2005, Syarikat telah mengambil alih 92% ekuiti dalam Kuantan Medical Centre Sdn. Bhd. ("KMC"), sebuah syarikat diperbadankan di Malaysia dan sebuah Syarikat subsidiari dengan jumlah pertimbangan sebanyak RM8,493,045 terdiri daripada 8,493,045 saham biasa baru pada RM1 sesaham yang mana diselesaikan melalui permodalan nilai terhutang daripada KMC.
- (c) Pada 29 Disember 2005, Syarikat telah mengambil alih 67% ekuiti dalam Kelana Jaya Medical Centre Sdn. Bhd. ("KJMC"), sebuah syarikat diperbadankan di Malaysia dan sebuah syarikat subsidiari dengan jumlah pertimbangan sebanyak RM19,050,615 terdiri daripada 19,050,615 saham biasa baru pada RM1 sesaham yang mana diselesaikan melalui permodalan nilai terhutang daripada KJMC.
- (d) Pada 29 Disember 2005, TD Poultry Sdn. Bhd., sebuah syarikat subsidiari telah menambahkan modal saham biasa dibenarkan daripada RM5,000,000 kepada RM50,000,000 melalui penerbitan 45,000,000 saham biasa pada RM1 sesaham; dan tambahan modal saham biasa diterbitkan dan dibayar penuh daripada RM1,000,000 kepada RM32,481,993 melalui terbitan saham biasa sebanyak 31,481,993 pada RM1 setiap satu kepada syarikat induk, TDM Berhad melalui hutang yang dipermodalakan sebanyak RM31,481,993.

LAPORAN PARA PENGARAH

PERISTIWA PENTING (samb.)

- (e) Pada 29 Disember 2005, Kuantan Medical Centre Sdn. Bhd., sebuah syarikat subsidiari telah menambahkan modal saham biasa dibenarkan daripada RM5,000,000 kepada RM25,000,000 melalui penerbitan 20,000,000 saham biasa pada RM1 sesaham; dan terbitan dan modal saham biasa dibayar penuh daripada RM2,167,500 kepada RM9,263,045 melalui:
- (i) terbitan 6,643,045 saham biasa pada RM1 sesaham melalui pendahuluan yang dipermodalkan daripada syarikat induk terakhir, syarikat induk dan sebuah syarikat berkaitan.
 - (ii) terbitan 452,500 saham biasa pada RM1 sesaham melalui permodalan nilai hutang kepada para pengarah dan konsultan.
- (f) Pada 29 Disember 2005, Kelana Jaya Medical Centre Sdn. Bhd., telah menambahkan modal saham biasa dibenarkan daripada RM5,000,000 kepada RM30,000,000 melalui penerbitan 25,000,000 saham biasa pada RM1 sesaham; dan terbitan dan modal saham biasa dibayar penuh daripada RM3,400,000 kepada RM28,631,302 melalui:
- (i) terbitan 19,050,615 saham biasa pada RM1 sesaham melalui pendahuluan yang dipermodalkan daripada syarikat induk terakhir.
 - (ii) terbitan 6,180,687 saham biasa pada RM1 sesaham melalui pemiutang pajakan yang dipermodalkan.
- (g) Pada 29 Disember 2005, TD Ijarah Sdn. Bhd., sebuah syarikat subsidiari telah mengambil alih 22% ekuiti dalam Kelana Jaya Medical Centre Sdn. Bhd., sebuah syarikat diperbadankan di Malaysia dan sebuah Syarikat berkaitan dengan jumlah pertimbangan sebanyak RM6,180,687 terdiri daripada 6,180,687 saham biasa baru pada RM1 sesaham yang mana diselesaikan melalui penghutang pajakan yang dipermodalkan daripada syarikat.
- (h) Pada 30 Disember 2005, TD Ijarah Sdn. Bhd., sebuah syarikat subsidiari telah mengambil alih 38% ekuiti dalam Kuantan Medical Centre Sdn. Bhd., sebuah syarikat diperbadankan di Malaysia dengan jumlah pertimbangan sebanyak RM3,500,000 terdiri daripada 3,500,000 saham biasa baru pada RM1 sesaham yang mana diselesaikan melalui penghutang pajakan yang dipermodalkan daripada syarikat.
- (i) Indah Sari Travel and Tours Sdn. Bhd. telah menamatkan operasinya dalam tahun semasa.

JURUAUDIT

Juruaudit, Ernst & Young telah menyatakan kesediaan mereka untuk menerima perlantikan semula.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut resolusi para pengarah.



Y.BHG. DATO' HAJI AWI @ ALWI BIN SAID



TUAN HAJI ABD. JALIL BIN ALI

penyata para pengarah
menurut seksyen 169 (15), akta syarikat 1965

Kami, Y. BHG. DATO' HAJI AWI @ ALWI BIN SAID dan TUAN HAJI ABD. JALIL BIN ALI, dua daripada para pengarah TDM BERHAD, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan di mukasurat 107 sehingga 153 telah disediakan menurut Piawaian Perakaunan MASB berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat 1965 untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2005 dan keputusan serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut resolusi para pengarah.



Y.BHG. DATO' HAJI AWI @ ALWI BIN SAID



TUAN HAJI ABD. JALIL BIN ALI

Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia
13 April 2006

akuan berkanun
menurut seksyen 169 (16), akta syarikat 1965

Saya, ISHAK BIN AHMAD, pegawai yang terutamanya bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan TDM BERHAD, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 107 hingga 153 pada pendapat saya adalah betul, dan saya membuat pengakuan ini sesungguhnya dengan hemat mempercayai bahawa ianya benar dan menurut peruntukan Akta Akuan ini sesungguhnya dengan hemat mempercayai bahawa ianya benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh penama di atas, ISHAK BIN AHMAD di Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia pada 13 April 2006.

Di hadapan saya,




ISHAK BIN AHMAD

laporan juruaudit

kepada pemegang-pemegang saham TDM Berhad (Diperbadankan di Malaysia) - 6265-P

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan di mukasurat 107 hingga 153. Penyata kewangan tersebut adalah tanggungjawab para pengarah Syarikat.

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat bebas mengenai penyata kewangan tersebut berdasarkan audit kami dan untuk melaporkan pendapat kami, kepada anda, sebagai sebuah badan, berdasarkan Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada lain-lain pihak ke atas kandungan laporan ini.

Kami telah melaksanakan audit mengikut Piawaian Pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk mencapai kepastian munasabah mengenai sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah-nyata yang ketara. Sesuatu audit merangkumi pemeriksaan, berdasarkan ujian, bukti yang menyokong nilai-nilai dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Sesuatu audit juga merangkumi penilaian terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran penting yang dibuat oleh para Pengarah, serta penilaian terhadap penyampaian penyata kewangan secara keseluruhannya. Kami percaya bahawa audit kami telah memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Pada pendapat kami:

- (a) penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan betul menurut peruntukan Akta Syarikat 1965 dan menurut Piawaian Perakaunan MASB berkenaan yang diluluskan di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai:
 - (i) kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2005 dan keputusan serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut; dan
 - (ii) perkara-perkara yang diperlukan oleh Seksyen 169 Akta Syarikat 1965 yang perlu dituruti di dalam penyata kewangan; dan
- (b) rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiari telah disimpan dengan sewajarnya menurut peruntukan Akta.

Kami telah mempertimbangkan penyata-penyata kewangan dan laporan juruaudit syarikat subsidiari yang mana kami tidak bertindak sebagai juruaudit, seperti dinyatakan di dalam Nota 11 kepada penyata kewangan, yang telah dimasukkan ke dalam penyata-penyata kewangan yang disatukan.

Kami telah berpuashati bahawa penyata kewangan syarikat subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan yang disatukan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang diperlukan oleh kami bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit bagi penyata kewangan syarikat subsidiari tidak tertakluk kepada sebarang pensyaratkan yang material kepada penyata-penyata kewangan yang disatukan dan tidak mengandungi sebarang ulasan yang perlu dibuat di bawah Seksyen 174(3) Akta tersebut.



ERNST & YOUNG
AF: 0039
Akauntan Bertauliah Rakankongsi



MOHD SUKARNO BIN TUN SARDON
No. 1697/03/07(J)

penyata pendapatan disatukan

bagi tahun berakhir 31 Disember 2005

	Note	Kumpulan		Syarikat	
		2005 RM'000	2004 RM'000	2005 RM'000	2004 RM'000
Pendapatan	3	200,308	230,409	23,375	19,842
Kos jualan		(123,731)	(160,577)	(12,251)	(12,128)
<hr/>					
Keuntungan kasar		76,577	69,832	11,124	7,714
Pendapatan operasi lain		6,793	8,143	2,772	5,199
Kos pengedaran		(11,579)	(5,861)	(22)	(67)
Perbelanjaan pentadbiran		(41,510)	(37,360)	(6,362)	(6,628)
Lain-lain perbelanjaan operasi		(7,487)	(5,562)	(16,451)	(2,288)
<hr/>					
Keuntungan daripada operasi	4	22,794	29,192	(8,939)	3,930
Kos kewangan, bersih	7	(54)	(3,683)	(138)	(351)
<hr/>					
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai		22,740	25,509	(9,077)	3,579
Cukai 8		(6,300)	(9,864)	1,133	(1,400)
<hr/>					
Keuntungan/(kerugian) selepas cukai		16,440	15,645	(7,944)	2,179
Kepentingan minoriti		125	(550)	-	-
<hr/>					
Keuntungan/(kerugian) bagi tahun kewangan yang dipunyai oleh para pemegang saham		16,565	15,095	(7,944)	2,179
<hr/>					
Pendapatan sesaham (sen)					
Asas	9	7.69	7.00		
Kecairan	9	7.69	7.00		

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

lembaran imbangan disatukan

pada 31 Disember 2005

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2005 RM'000	2004 RM'000	2005 RM'000	2004 RM'000
ASET TAK SEMASA					
Hartanah, loji dan peralatan	10	599,025	606,288	61,014	63,339
Pelaburan dalam subsidiari	11	-	-	146,751	96,851
Lain-lain pelaburan	12	5,447	6,049	800	1,300
Perbelanjaan tertunda	13	687	708	-	-
		605,159	613,045	208,565	161,490
ASET SEMASA					
Kos pembangunan hartanah	14	1,583	1,790	-	-
Inventori	15	10,696	9,230	355	-
Penghutang perdagangan	16	16,935	17,053	-	-
Lain-lain penghutang	17	44,804	45,328	184,462	242,159
Tunai dan baki di bank	18	58,811	71,723	109	1,198
		132,829	145,124	184,926	243,357
LIABILITI SEMASA					
Pinjaman	19	4,457	1,749	2,851	80
Pemiutang perdagangan	20	102,759	96,732	19	43
Lain-lain pemiutang	21	49,026	48,614	172,680	177,295
Cukai		1,695	8,064	796	-
		157,937	155,159	176,346	177,418
(LIABILITI)/ASET SEMASA BERSIH					
		(25,108)	(10,035)	8,580	65,939
		580,051	603,010	217,145	227,429
DIBIAYAI OLEH:					
Modal saham	22	215,524	215,524	215,524	215,524
Rizab	23	248,344	231,779	(936)	7,008
Ekuiti pemegang saham		463,868	447,303	214,588	222,532
Kepentingan minoriti		7,521	7,166	-	-
		471,389	454,469	214,588	222,532
Manfaat persaraan	24	2,190	1,792	153	101
Pinjaman	19	515	283	218	298
Pendapatan tertunda	20	74,000	109,000	-	-
Muhibah negatif	25	5,065	10,334	-	-
Liabiliti cukai tertunda	26	26,892	27,132	2,186	4,498
Liabiliti tak semasa		108,662	148,541	2,557	4,897
		580,051	603,010	217,145	227,429

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

penyata perubahan dalam ekuiti disatukan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2005

	<i>Tidak boleh diagih</i>		<i>Boleh diagih (Kerugian)/</i>		<i>Jumlah</i>
	<i>Modal saham RM'000</i>	<i>Premium saham (Nota 23) RM'000</i>	<i>Lain-lain rizab (Nota 23) RM'000</i>	<i>Keuntungan terkumpul (Nota 23) RM'000</i>	
<i>Pada 1 Januari 2004</i>	215,524	34,979	210,941	(29,236)	432,208
<i>Keuntungan bagi tahun tahun kewangan</i>	-	-	-	15,095	15,095
<i>Pada 31 Disember 2004</i>	215,524	34,979	210,941	(14,141)	447,303
<i>Pada 1 Januari 2005</i>	215,524	34,979	210,941	(14,141)	447,303
<i>Keuntungan bagi tahun tahun kewangan</i>	-	-	-	16,565	16,565
<i>Pada 31 Disember 2005</i>	215,524	34,979	210,941	2,424	463,868

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

penyata perubahan dalam ekuiti

bagi tahun berakhir 31 Disember 2005

	Modal saham RM'000	Tidak boleh diagih		Boleh diagih		Jumlah RM'000
		Premium saham (Nota 23) RM'000	Lain-lain rizab (Nota 23) RM'000	Rizab modal (Nota 23) RM'000	Kerugian terkumpul (Nota 23) RM'000	
Pada 1 Januari 2004	215,524	34,979	31,224	2,736	(64,110)	220,353
Keuntungan bagi tahun tahun kewangan	-	-	-	-	2,179	2,179
Pada 31 Disember 2004	215,524	34,979	31,224	2,736	(61,931)	222,532
Pada 1 Januari 2005	215,524	34,979	31,224	2,736	(61,931)	222,532
Keuntungan bagi tahun tahun kewangan	-	-	-	-	(7,944)	(7,944)
Pada 31 Disember 2005	215,524	34,979	31,224	2,736	(69,875)	214,588

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

penyata aliran tunai
bagi tahun berakhir 31 Disember 2005

	Kumpulan		Syarikat	
	2005 RM'000	2004 RM'000	2005 RM'000	2004 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI OPERASI				
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai dan zakat	22,740	25,509	(9,077)	3,579
Pelarasan untuk:				
Perlunasan perbelanjaan tertunda	1,017	859	-	-
Perbelanjaan tertunda dihapuskira	-	21	-	-
Keuntungan atas jualan hartanah, loji dan peralatan	-	(206)	-	(52)
Kerugian atas jualan hartanah, loji dan peralatan	204	5	135	-
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	12,282	12,281	1,444	1,033
Keuntungan atas jualan pelaburan	-	(105)	-	(105)
Kerugian atas jualan pelaburan	324	-	-	-
Peruntukan hutang ragu	3,055	2,389	11,524	1,234
Peruntukan hutang ragu dihapuskira	22	-	-	-
Peruntukan hutang ragu dinyatakan semula	(66)	(267)	-	-
Peruntukan cuti tahunan dinyatakan semula	172	(222)	7	(46)
Peruntukan rosotnilai pelaburan	500	-	1,233	-
Peruntukan manfaat persaraan	1,155	728	52	34
Peruntukan rosotnilai hartanah, loji dan peralatan	4,604	484	-	-
Peruntukan kerugian rosotnilai hartanah, loji dan peralatan	2,249	-	2,249	-
Peruntukan cuti tahunan	-	-	(803)	-
Hapuskira hartanah, loji dan peralatan	51	411	-	-
Hapuskira inventori	40	597	-	-
Peruntukan rosotnilai inventori	46	-	-	-
Perlunasan muhibah negatif	(5,269)	(5,453)	-	-
Perbelanjaan faedah	293	4,018	138	351
Pendapatan faedah	(239)	(335)	-	-
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	43,180	40,714	6,902	6,028
Kurangan/(tambahan) dalam kos pembangunan hartanah	207	(657)	-	-
(Tambahan)/kurangan dalam inventori	(1,512)	957	(355)	27
Kurangan/(tambahan) dalam penghutang	2,794	(25,362)	46,173	(63,905)
(Kurangan)/tambahan dalam pemiutang	(36,943)	141,424	(54,802)	79,332
Aliran tunai daripada operasi	7,726	157,076	(2,082)	21,482
Bayaran faedah	(293)	(4,018)	(138)	(351)
Bayaran cukai	(7,950)	(5,135)	(383)	-
Bayaran manfaat persaraan	(757)	(450)	-	-
Tunai bersih dihasilkan daripada/(digunakan) dalam aktiviti-aktiviti operasi	(1,274)	147,473	(2,603)	21,131

PENYATA ALIRAN TUNAI

bagi tahun berakhir 31 Disember 2005

	Kumpulan		Syarikat	
	2005 RM'000	2004 RM'000	2005 RM'000	2004 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PELABURAN				
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(13,674)	(11,606)	(1,312)	(2,424)
Pendapatan faedah	239	335	-	-
Pertambahan perbelanjaan faedah	(996)	(963)	-	-
Hasil daripada jualan pelaburan	-	179	-	179
Pembelian pelaburan	-	(850)	-	(850)
Hasil daripada jualan hartanah, loji dan peralatan	185	226	135	109
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti-aktiviti pelaburan	(14,246)	(12,679)	(1,177)	(2,986)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Hasil daripada pembiayaan sewabeli	-	-	-	400
Hasil daripada kemudahan bank	4,536	-	-	-
Bayaran balik pinjaman jangka panjang	(4,309)	(65,470)	-	(10,980)
Bayaran balik pemiutang sewabeli	(100)	(744)	(80)	(32)
Tunai bersih dihasilkan daripada/(digunakan) dalam aktiviti-aktiviti pembiayaan	127	(66,214)	(80)	(10,612)
TAMBAHAN/(KURANGAN) DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	(15,393)	68,580	(3,860)	7,533
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	71,349	2,769	1,198	(6,335)
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN (Nota 18)	55,956	71,349	(2,662)	1,198

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

nota-nota kepada penyata kewangan

31 Disember 2005

1. MAKLUMAT KORPORAT

Kegiatan utama Syarikat adalah sebagai sebuah syarikat pemegang pelaburan, peruntukan perkhidmatan pengurusan dan pengendalian ladang-ladang kelapa sawit. Kegiatan utama syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan di dalam Nota 11 kepada penyata kewangan.

Syarikat adalah sebuah syarikat awam liabiliti terhad yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Pejabat berdaftar Syarikat terletak di Aras 5, Bangunan UMNO Terengganu, Jalan Masjid Abidin, 20100 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman.

Bilangan kakitangan dalam Kumpulan dan Syarikat masing-masing pada akhir tahun kewangan adalah 3,785 (2004: 3,696) and 39 (2004: 52).

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk diterbitkan menurut resolusi para pengarah pada 13 April 2006.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA

(a) Asas Penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan menurut konvensyen kos sejarah kecuali untuk penilaian semula tanah dan bangunan tertentu melainkan seperti dinyatakan dalam dasar-dasar perakaunan utama.

Penyata kewangan ini mematuhi peruntukan Akta Syarikat 1965 dan Piawaian Perakaunan berkenaan yang diluluskan, yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB").

(b) Asas Penyatuan

Syarikat Subsidiari

Penyata-penyata kewangan disatukan termasuk penyata-penyata kewangan Syarikat dan kesemua syarikat subsidiarinya. Syarikat-syarikat subsidiari adalah syarikat-syarikat di mana Kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang di mana ia mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan terhadap polisi-polisi kewangan dan operasi untuk memperoleh manfaat daripadanya.

Syarikat-syarikat subsidiari disatukan menggunakan kaedah perakaunan pengambilalihan. Berdasarkan kaedah perakaunan pengambilalihan, syarikat-syarikat yang diambilalih atau dilupuskan di dalam tahun kewangan dimasukkan ke penyata pendapatan disatukan dari tarikh berkuatkuasanya pengambilalihan atau sehingga tarikh berkuatkuasanya pelupusan. Aset-aset dan liabiliti-liabiliti syarikat subsidiari dinilai pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan dan nilai ini dinyatakan di dalam lembaran imbalan disatukan.

Perbezaan di antara kos pengambilalihan dan nilai saksama aset bersih bagi Kumpulan ke atas subsidiari yang diambilalih pada tarikh pengambilalihan dimasukkan ke dalam lembaran imbalan disatukan sebagai muhibah atau muhibah negatif atas penyatuan.

Urusniaga, baki dan hasil laba belum nyata di antara syarikat-syarikat Kumpulan akan dihapuskan semasa penyatuan dan penyata-penyata kewangan disatukan hanya mengambilkira urusniaga dengan pihak ketiga sahaja. Rugi belum nyata akan dihapuskan semasa penyatuan melainkan kos tersebut tidak dapat dipulihkan.

Keuntungan atau kerugian atas pelupusan syarikat subsidiari adalah perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dengan aset bersih bagi Kumpulan berserta dengan sebarang baki muhibah yang belum dilunaskan dan perbezaan pertukaran matawang yang tidak diiktiraf sebelumnya dalam penyata pendapatan disatukan.

Kepentingan minoriti dinilai mengikut nilai saksama bahagian minoriti bagi aset dan liabiliti yang dikenalpasti daripada syarikat yang diambilalih.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2005

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (samb.)**(c) Muhibah**

Muhibah mewakili lebih kos pengambilalihan ke atas kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama aset dan liabiliti subsidiari atau syarikat bersekutu yang dikenalpasti pada tarikh pengambilalihan.

Muhibah dicatatkan pada kos setelah ditolak pelunasan terkumpul dan kerugian rosotnilai. Dasar pengiktirafan dan pengukuran kerugian rosotnilai adalah selaras dengan Nota 2 (o). Muhibah atas penyatuan dilunaskan kepada penyata pendapatan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh 20 tahun.

(e) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai dan kerugian rosotnilai terkumpul. Polisi pengiktirafan dan penilaian kerugian rosotnilai adalah mengikut Nota 2(o).

Sebahagian tanah milik bebas dinyatakan pada penilaian setelah ditolak kerugian rosotnilai. Penilaian semula dibuat pada sela masa yang teratur sekurang-kurangnya sekali untuk setiap tiga tahun dengan tambahan penilaian pada tahun-tahun diantaranya bila keadaan pasaran menunjukkan nilai bawaan harta tersebut berbeza dengan nilai pasaran. Penilaian semula dibuat berdasarkan penilaian oleh penilai bebas berasaskan pasaran terbuka. Sebarang kenaikan penilaian semula dikreditkan kepada ekuiti sebagai lebih penilaian semula, kecuali sehingga tahap pembalikan kurangan penilaian aset yang sama yang sebelum ini diiktiraf sebagai belanja, yang mana pertambahan dikreditkan ke penyata pendapatan sehingga tahap pengurangan sebelumnya dicajkan. Kurangan penilaian semula pada mulanya akan ditolak dengan penambahan penilaian sebelumnya untuk aset yang sama dan selebihnya diiktiraf sebagai belanja. Semasa pelupusan aset yang telah dinilai semula, lebih penilaian yang tinggal di dalam rizab penilaian semula dihantar ke keuntungan terkumpul.

Tanah milik bebas dan kerja modal dalam pelaksanaan tidak disusutnilai. Tanah pegang pajak perladangan disusutnilai sepanjang jangkamasa pajakan yang menjangkau dari 66 ke 99 tahun.

Susutnilai bagi lain-lain hartanah, loji dan peralatan diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos setiap aset kepada nilai sisa sepanjang anggaran hayat kegunaan dengan mengikut kadar tahunan seperti berikut:

Bangunan milik bebas	5%
Bangunan pegang pajak	5% - 10%
Loji, mesin, peralatan dan kenderaan	5% - 20%
Lain-lain	10% - 33.3%

Pada pelupusan sesuatu hartanah, loji dan peralatan, perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa akan dicajkan atau dikreditkan ke penyata pendapatan dan lebih penilaian semula dibawa terus ke keuntungan terkumpul.

Perbelanjaan penanaman baru yang wujud bagi membersihkan tanah, penanaman semula tanaman baru dan penyelenggaraan tanaman sehingga matang di permodalkan sebagai pembangunan perladangan dan tidak dilunaskan. Perbelanjaan penanaman semula dan pembersihan kawasan tanaman diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tahun perbelanjaan tersebut berlaku.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2005

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (samb.)**(f) Kos Pembangunan Hartanah**

Kos pembangunan hartanah merupakan semua kos-kos yang terlibat secara langsung dengan aktiviti-aktiviti pembangunan atau yang boleh agihkan secara wajar kepada aktiviti-aktiviti tersebut.

Apabila keputusan kewangan aktiviti pembangunan dapat dianggarkan dengan pasti, pendapatan dan perbelanjaan pembangunan hartanah diambilkira di dalam penyata pendapatan berdasarkan peratus penyiapan. Peratus penyiapan adalah ditentukan berdasarkan pembahagian kenaan kos pembangunan untuk kerja yang telah dibuat berbanding dengan anggaran jumlah kos pembangunan hartanah.

Di mana keputusan kewangan tidak dapat dianggarkan dengan pasti, pendapatan dan perbelanjaan pembangunan hartanah diambilkira hanyalah setakat kos pembangunan terlibat yang mungkin dapat diperolehi, dan kos pembangunan hartanah ke atas hartanah dijual diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam tempoh di mana ianya dikenakan.

Sebarang jangkaan kerugian ke atas projek pembangunan, termasuk kos-kos yang akan dikenakan di sepanjang tempoh kecacatan, diambilkira sebagai perbelanjaan serta merta.

Kos-kos pembangunan hartanah tidak diambilkira sebagai perbelanjaan diambilkira sebagai aset, yang mana diukur yang terendah di antara kos dan nilai boleh realis.

Lebihan di antara pendapatan yang diambilkira di dalam penyata pendapatan berbanding dengan tuntutan kepada pembeli-pembeli dikelaskan sebagai tuntutan akrual dalam penghutang dan lebihan tuntutan kepada pembeli-pembeli berbanding dengan pendapatan yang diambilkira di dalam penyata pendapatan dikelaskan sebagai tuntutan berperingkat dalam pemiutang.

(g) Inventori

Inventori dinyatakan pada harga terendah di antara kos (ditentukan pada asas masuk dahulu, keluar dahulu) dan nilai boleh direalisasi bersih. Termasuk di dalam kos barang siap dan kerja dalam proses adalah kos bahan langsung, buruh langsung, lain-lain kos langsung dan kos overhead pengeluaran yang sewajarnya. Nilai boleh direalisasi bersih mewakili anggaran harga jualan ditolak semua kos untuk penyiapan dan anggaran kos yang akan dikenakan untuk pemasaran, jualan dan pengedaran.

(h) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai termasuk tunai di tangan dan di bank, deposit boleh panggil dan pelaburan kecairan tinggi jangka pendek yang berisiko kecil untuk berubah nilainya dan ditolak dengan baki overdraf bank dan deposit dicagarkan kepada bank.

(i) Pajakan

Pajakan diiktiraf sebagai pajakan kewangan jika ia memindahkan semua risiko dan manfaat akibat daripada hakmilik. Pajakan-pajakan lain diklasifikasikan sebagai pajakan operasi.

(j) Pajakan kewangan

Aset yang diambilalih secara sewa beli atau pajakan kewangan dinyatakan pada nilai setara dengan nilai terendah di antara nilai saksama dan nilai semasa pembayaran pajakan minima pada permulaan pajakan, ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai. Liabiliti berkaitan dinyatakan dalam lembaran imbalan sebagai pinjaman. Dalam pengiraan nilai semasa pembayaran pajakan minima, faktor diskaun yang digunakan ialah kadar faedah yang terkandung di dalam pajakan bila ia boleh ditentukan secara praktikal; jika tidak, kadar faedah tambahan pinjaman Syarikat digunakan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2005

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (samb.)**(i) Pajakan** (samb.)**(i) Pajakan kewangan** (samb.)

Bayaran pajakan diagihkan di antara kos kewangan dan pengurangan baki liabiliti. Kos kewangan, yang mewakili perbezaan di antara keseluruhan komitmen pajakan dan nilai saksama aset diambilalih, dicajkan ke penyata pendapatan di sepanjang penggal pajakan berkenaan untuk menghasilkan kadar faedah berkala yang tetap atas baki tanggungan untuk setiap tempoh akaun.

Polisi susutnilai bagi aset pajakan adalah konsisten dengan susutnilai hartanah, loji dan peralatan seperti yang diterangkan dalam Nota 2(e).

(ii) Pajakan operasi

Pembayaran pajakan operasi dicajkan ke atas penyata pendapatan berdasarkan kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan berkenaan.

(j) Peruntukan bagi Liabiliti

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai kewajipan kini hasil daripada peristiwa lampau dan adalah berkemungkinan terdapat aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi yang diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan tersebut dan anggaran yang munasabah boleh dibuat bagi jumlah tersebut. Peruntukan akan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah penting, jumlah peruntukan adalah perbelanjaan yang dijangka perlu untuk menjelaskan kewajipan tersebut.

(k) Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan yang dikenakan ke atas keuntungan atau kerugian bagi tahun kewangan adalah terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah amaun cukai pendapatan yang dijangkakan perlu dibayar ke atas keuntungan bercukai bagi tahun kewangan dan dianggarkan mengikut kadar cukai yang telah diaktakan pada tarikh lembaran imbalan.

Cukai tertunda diperuntukkan melalui kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara di antara asas cukai bagi aset dan liabiliti dan nilai dibawa dalam penyata kewangan. Menurut prinsip, liabiliti cukai tertunda diiktiraf ke atas semua perbezaan sementara yang tertakluk kepada cukai manakala aset cukai tertunda pula diiktiraf untuk semua perbezaan sementara, baki kerugian bercukai dan baki kredit cukai yang belum digunakan sekiranya kemungkinan terdapat keuntungan bercukai yang boleh digunakan ke atas perbezaan sementara yang dibenarkan, baki kerugian bercukai dan baki kredit cukai.

Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara timbul daripada muhibah atau muhibah negatif atau dari permulaan pengiktirafan aset atau liabiliti di dalam transaksi yang tidak berkaitan dengan penggabungan perniagaan, yang tidak memberi kesan ke atas keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh cukai pada masa transaksi.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan pada masa aset direalisasikan atau liabiliti diselesaikan, berasaskan kadar cukai yang telah diaktakan atau hampir diaktakan pada tarikh lembaran imbalan. Cukai tertunda diiktiraf di dalam penyata pendapatan kecuali jika ia adalah dihasilkan daripada transaksi yang diiktiraf terus di dalam ekuiti, di mana cukai tertunda itu dicajkan atau dikreditkan terus ke ekuiti, atau ia adalah hasil daripada penggabungan perniagaan yang berkaitan dengan pengambilalihan, di mana cukai tertunda akan disertakan di dalam muhibah atau muhibah negatif yang terhasil.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2005

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (samb.)**(l) Manfaat Kakitangan Syarikat****(i) Manfaat jangka pendek**

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh kakitangan Kumpulan. Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf bila perkhidmatan yang diberi oleh kakitangan akan menambahkan hak untuk pampasan ketidakhadiran akan datang, dan pampasan ketidakhadiran tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf bila ketidakhadiran berlaku.

(ii) Pelan caruman wajib

Menurut peruntukan perundangan, syarikat-syarikat di Malaysia membayar caruman kepada skim pencen negara, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"). Syarikat subsidiari yang berdaftar di luar negara membayar caruman kepada skim pencen negara tersebut. Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan bila ia tertanggung.

(iii) Pelan manfaat ditetapkan

Syarikat subsidiari mengendalikan Skim Manfaat Persaraan yang tidak dibiayai untuk kakitangannya. Hanya kakitangan yang telah berkhidmat untuk subsidiari sebelum Januari 1999 layak untuk skim ini. Manfaat akan dibayar berdasarkan gaji terakhir kakitangan dan jangkamasa perkhidmatan dengan Kumpulan.

Peruntukan dibuat di dalam lembaran imbangan Kumpulan untuk kos manfaat persaraan di bawah skim ini dengan berdasarkan gaji bulanan terakhir kakitangan yang layak dan tempoh perkhidmatan mengikut syarat skim.

(m) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan diiktiraf apabila kemungkinan manfaat ekonomi berkaitan dengan transaksi berpindah kepada Syarikat dan nilai pendapatan boleh dianggarkan dengan pasti

(i) Jualan Barang-Barang

Pendapatan diiktiraf apabila kemungkinan manfaat ekonomi berkaitan dengan transaksi berpindah kepada Syarikat dan nilai pendapatan boleh dianggarkan dengan pasti.

(ii) Pendapatan Perkhidmatan

Pendapatan dari perkhidmatan diiktirafkan selepas mengambil kira cukai perkhidmatan dan diskaun semasa perkhidmatan diberikan.

(iii) Pendapatan Faedah

Faedah diiktiraf pada asas pembahagian masa untuk menggambarkan nilai faedah berkesan ke atas aset.

(iv) Pembangunan Hartanah

Pendapatan dari penjualan harta benda yang dibangunkan diambil kira dengan menggunakan kaedah tahap pelengkapan untuk semua unit bangunan yang telah dijual. Peratus pelengkapan ditetapkan berdasarkan kos yang telah digunakan sehingga kini dibandingkan dengan jumlah kos anggaran di mana natijah projek boleh dianggarkan dengan pasti.

(v) Pendapatan Dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima pembayaran telah wujud.

(vi) Pendapatan sewa

Pendapatan sewa diiktiraf secara akruan.

Pendapatan di antara syarikat-syarikat Kumpulan tidak termasuk sebagai hasil pendapatan Kumpulan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2005

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (samb.)**(n) Matawang Asing****(i) Urusniaga Matawang Asing**

Urusniaga dalam matawang asing pada mulanya akan ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga. Pada setiap tarikh lembaran imbangan, butiran matawang asing bersifat kewangan akan diterjemahkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh tersebut. Butiran tidak bersifat kewangan yang dibawa pada kos sejarah diterjemahkan menggunakan kadar sejarah pada tarikh pengambilalihan dan butiran tidak bersifat kewangan yang dibawa pada nilai saksama diterjemahkan menggunakan kadar pertukaran yang wujud semasa nilainya ditentukan.

Semua perbezaan kadar tukaran diambil ke dalam penyata pendapatan dengan pengecualian bagi perbezaan pinjaman matawang asing, yang menyediakan perlindungan terhadap pelaburan bersih entiti asing. Perbezaan tukaran ini direkod di dalam ekuiti sehingga penjualan pelaburan bersih, bila mana ia diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

(ii) Entiti Asing

Penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari asing yang disatukan diterjemahkan pada kadar pertukaran akhir tahun untuk aset dan liabiliti, dan pada kadar pertukaran pada tarikh urusniaga untuk penyata pendapatan. Semua hasil perbezaan terjemahan dimasukkan ke dalam rizab pertukaran matawang asing di dalam dana pemegang saham.

Muhibah dan nilai saksama yang timbul dari pengambilalihan entiti asing diambil kira sebagai aset dan liabiliti Syarikat dan diterjemahkan pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh tersebut.

Kadar pertukaran utama matawang bagi setiap matawang asing yang berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbangan yang digunakan adalah seperti berikut:

	2005	2004
	RM	RM
Dollar Amerika (USD)	3.78	3.80
Dollar Singapura (S\$)	2.27	2.31
Riyal Arab	1.00	1.01

(o) Rosotnilai Aset

Pada setiap tarikh lembaran imbangan, Kumpulan akan meneliti nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan samada terdapat sebarang petunjuk yang aset-aset telah mengalami kerugian rosotnilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosotnilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan nilai yang boleh diperolehi daripada aset tersebut. Nilai yang boleh diperolehi adalah nilai yang tertinggi di antara harga jualan bersih dan nilai digunapakai, di mana ianya dikira dengan merujuk kepada aliran tunai hadapan didiskaunkan.

Kerugian rosotnilai diiktiraf ke penyata pendapatan serta-merta, melainkan sekiranya aset tersebut dinyatakan dalam amaun penilaian semula. Sebarang kerugian rosotnilai bagi aset yang telah dinilai semula diiktiraf sebagai kurangan penilaian semula sehingga tahap lebihan penilaian semula aset yang sama yang telah diiktiraf sebelum ini. Pembalikan semula kerugian rosotnilai diiktiraf tahun terdahulu direkodkan bila terdapat petunjuk yang kerugian rosotnilai yang diiktiraf untuk aset tidak lagi wujud ataupun telah berkurangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2005

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (samb.)**(p) Instrumen Kewangan**

Instrumen kewangan diiktiraf di lembaran imbangan apabila Kumpulan telah menjadi satu pihak kepada perjanjian kontrak untuk peruntukan instrumen tersebut.

Instrumen kewangan adalah digolongkan sebagai liabiliti atau ekuiti menurut dasar dalam perjanjian kontrak. Faedah, dividen, laba dan kerugian berkenaan dengan instrumen kewangan yang digolongkan sebagai liabiliti, dilaporkan sebagai belanja atau pendapatan. Pengagihan kepada pemegang instrumen kewangan digolongkan sebagai ekuiti dicajkan terus kepada ekuiti. Instrumen kewangan diofsetkan apabila Kumpulan mempunyai hak mengikut undang-undang untuk melakukannya dan berniat untuk menyelesaikan secara bersih atau merealisasi aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

(i) Lain-lain Pelaburan Tak Semasa

